

BAB ENAM

KESIMPULAN

Deng Xiaoping meninggal dunia pada 19 Februari 1997. Pemergian beliau menandakan tamatnya satu zaman yang tersuratnya pelbagai usaha pemodenan negara China. Beliau telah menyaksikan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam zaman itu pada bahagian awalnya dan mengambil bahagian pada kemudiannya. Sejak akhir abad ke 19 China menjalankan permodenan, akhirnya pada permulaan milenia ketiga tamadun manusia, begini rupanya akibat daripada pemodenan. Deng Xiaoping merupakan antara tokoh yang bertanggungjawab dalam pembentukan rupa tersebut.

Deng memperkenalkan Dasar Reformasi Pasaran, sekaligus menggalakkan rakyat negaranya tidak bersegan-silu mengamalkan sistem-sistem ekonomi yang berunsur Kapitalisme yang pada suatu ketika pernah dikenali sebagai sistem yang menindas kelas Proletariat. Usaha pembebasan pemikiran rakyat jelata daripada kongkongan ideologi rasmi kerajaan merupakan satu percubaan yang sangat berani dalam sebuah negara Komunis. Deng sebenarnya telah cuba beberapa kali dan akhirnya dapat mencapai kejayaan besar selepas beliau menjadi pemimpin tertinggi negara.

Sebelum itu, China pernah mengalami satu trek pembangunan negara yang boleh dinamakan sebagai Model Pembangunan Maois. Trek pembangunan ini pada mulanya bermodelkan Soviet Union yang menjadikan industri berat sebagai penjana kuasa kepada pembangunan seluruh bidang ekonomi negara. Akan tetapi pada masa kemudian pemimpin tertinggi negara Mao Zedong berpendapat bahawa model pembangunan tersebut telah terpesong daripada lunas-lunas fahaman Marxis-Leninis, maka beliau ingin

memperkenalkan satu landasan pemodenan yang kononnya lebih memenuhi lunas-lunas fahaman Marxis-Leninis.

Landasan pemodenan negara ini menekankan sifat subjektif manusia, iaitu jika orang ramai dirangsangkan dengan aspirasi perjuangan yang tinggi, maka mereka boleh melakukan apa sahaja. Penekanan ini telah menghindarkan pemindahan teknologi canggih dalam bidang industri berat dari Soviet Union. Sifat yang kedua ialah pergolakan kelas yang tidak ada penghujungnya. Rakyat seluruh negara diingatkan bahawa musuh kelas Proletariat akan sentiasa muncul dengan pelbagai jenis rupa. Mereka mesti sentiasa berwaspada dan mengikut arahan pemimpin yang termashyur untuk memerangi sesiapa sahaja yang dinamakan sebagai musuh. Sifat yang ketiga pula ialah pengamalan konsep egalitarian. Masyarakat Utopia yang diidam-idamkan oleh orang Komunis pada asasnya mempunyai ciri kesamarataan setiap orang yang mutlak. Pengertian terhadap ciri kesamarataan ini telah diamalkan dengan menghapuskan harta persendirian. Maksudnya jika tidak mampu mencapai kekayaan bersama, maka semua orang mesti menghadapi kemiskinan bersama.

Hasil daripada pengamalan trek pembangunan yang disifatkan sebagai berhaluan ultra kiri ini, China telah mengadakan dasar-dasar “Melangkah Besar Ke Depan” , Komun Rakyat, Pertanian Kolektif dan Revolusi Kebudayaan dan sebagainya. Dasar-dasar ini tidak membangunkan negara tetapi menjadikan China sebuah negara mundur pada akhir 1970-an berbanding dengan negara-negara sedang membangun yang lain di dunia. Terdapat sebilangan pemimpin PKC yang bersikap pragmatis yang diketuai oleh Liu Shaoqi, Zhou Enlai dan Deng Xiaoping tidak bersetuju dengan trek pembangunan ini. Mereka lebih cenderung untuk mengamalkan model Soviet Union.

Dalam model ini, rakyat tidak diharamkan untuk memiliki harta persendirian kerana kerja usaha dijanjikan ganjaran melalui insentif material di firma-firma dan keuntungan dalam pasaran yang terhad.

Zaman penguasaan Mao Zedong ini menyaksikan idea-idea pembangunan Maois yang mendominasi dasar-dasar pembangunan kerajaan. Akan tetapi apa yang menarik ialah apabila dasar-dasar tersebut gagal dan membantutkan pertumbuhan ekonomi negara, pemimpin-pemimpin pragmatis yang tersebut di atas akan mengemukakan idea-idea mereka untuk memantapkan masyarakat dan memulihkan ekonomi negara. Deng Xiaoping diambil perhatian pada masa itu kerana pengubahan pemikiran beliau daripada seorang penyokong model pembangunan Maois kepada penyokong model Soviet Union.

Deng yang kononnya disedarkan oleh akibat buruk pelaksanaan Dasar Melangkah Besar Ke Depan mula menceburkan diri dalam penetapan dasar-dasar yang pragmatis secara langsung. Perubahan ini mengakibatkan beliau dipecat daripada semua jawatan dalam kerajaan, parti dan angkatan tentera. Bukan sekali beliau mengalami nasib sebegini, tetapi dua kali beliau dipecat daripada arena politik negara akibat daripada perselisihan pendapat dengan Mao Zedong dalam haluan pembangunan negara. Namun pengalaman ini nampaknya juga meyakinkan beliau bahawa dasar-dasar pragmatis inilah yang mampu membebaskan China daripada belenggu kemunduran.

Trek pembangunan Maois telah memaksa seluruh rakyat China membayar satu harga yang hampir tidak ternilai. Jika meneliti dasar-dasar yang dilaksanakan berdasarkan idea-idea Mao, didapati dasar-dasar ini amat mementingkan pembinaan satu struktur politik masyarakat yang baru yang kononnya ala Sosialis. Dasar-dasar ini mengutamakan perjuangan kelas Proletariat untuk memerintah masyarakat secara diktator supaya

nencapai satu masyarakat yang tidak lagi ada penindasan daripada kelas burjuis. Demi menamatkan perjuangan tersebut, pertumbuhan ekonomi negara terpaksa diketepikan. Model pembangunan ini disifatkan sebagai satu model pembangunan yang menjadikan politik sebagai peneraju.

Pemerintahan Deng terhadap China pula pada mulanya telah membebaskan negaranya daripada dasar perjuangan pergolakan kelas. Deng kemudian telah melantik Chen Yun untuk memulihkan situasi ekonomi daripada defisit kepada positif dan membangunkan ekonomi di kawasan kampung pertanian. Pada masa yang sama, pembukaan Zon-zon Ekonomi Istimewa juga menjadi jendela-jendela kemasukan modal-nodal asing ke China.

Berbanding dengan kejayaan dicapai dalam bidang ekonomi, golongan endekian muda telah membawa sedikit masalah kepada Deng dalam melaksanakan dasar reformasi sistem politik. Golongan ini menggunakan kelonggaran penguatkuasaan sihak kerajaan terhadap kebebasan bersuara untuk menyebarkan idea-idea demokrasi baru. Cabaran ini walaupun telah terkawal dengan "Empat Prinsip Pengekalan" yang merupakan batasan halangan kebebasan bersuara rakyat, sikap Deng Xiaoping hanya nahu pembebasan fikiran dalam bidang ekonomi dan bukan politik ternyata telah berbongkar. Kemudian pada 1983 Deng sekali lagi mengetatkan kebebasan bersuara rakyat melalui Kempen Pembasmian Pencemaran Pemikiran.

Tindak-tanduk Deng ini menunjukkan keunikian isi fikirannya. Beliaulah yang nencambahkan benih-benih Reformasi Pasaran sebenarnya masih degil memegang esetengah unsur tradisional seperti sikap pemerintah keluarga patrikal. Beliau nenghendaki seluruh rakyat negaranya menghormati dan mematuhi pemimpin tertinggi

negara. Rakyat tidak dibenarkan mengemukakan apa-apa pandangan yang songsang dengan dasar kerajaan, terutamanya dalam bidang politik. Deng juga amat berwaspada terhadap interaksi rakyat negaranya dengan dunia luar. Beliau bimbang negaranya mungkin dijajahi oleh orang asing sekali lagi walaupun dalam bentuk yang lain dengan zaman awal abad 20. Contohnya beliau menyalahkan penyebaran pemikiran Liberalisme Burjuis dalam negaranya pada 1986 dan Peristiwa Medan Tiananmen pada 1989 adalah angkara orang asing. Bagaimanapun dalam isu-isu ekonomi, beliau bersikap secara terbuka terhadap kemasukan orang asing.

Pada akhir 1984 kerajaan PKC mengumunkan peluasan pelaksanaan Reformasi Pasaran di kawasan bandar. Deng merupakan penyokong kuat tentang dasar ini. Reformasi pada kali ini merupakan satu percubaan yang amat berani. Idea-idea reformasi yang disyorkan oleh pakar ekonomi barat bukan sahaja menyentuh setiap aspek ekonomi negara, malah ia menjangkakan satu tempoh singkat untuk menampakkan kesannya. Percubaan ini gagal. Usaha membebaskan kawalan harga barang dan penukaran hak milik firma-firma negara tidak mendapat keputusan yang dijangkakan. Idea "mengkomakan" ekonomi terancang gagal memaksa harga barang ditetapkan mengikut permintaan dan penawaran pasaran, sebaliknya telah mengakibatkan rebut beli yang mendatangkan inflasi dan kekurangan pembekalan barang. Perkara ini telah menampakkan satu sikap Deng yang menghairahkan kejayaan. Beliau tidak mengambil kira situasi China yang mengamalkan sistem ekonomi terancang begitu lama, tidak mampu menyesuaikan diri dalam suasana reformasi yang baru. Perubahan sistem ekonomi yang mendadak mesti dilengkapi dengan aspek-aspek lain seperti undang-undang, pendidikan dan publisiti yang setara. Malangnya cara penyemakan kegagalan

reformasi kali ini hanya menyalahkan toleransi Hu Yaobang terhadap arus Kecenderungan Liberalisme Burjuis. Deng memaksa Hu meletak jawatan walaupun beliau telah diumumkan secara rasmi sebagai penggantinya. Corak Deng untuk menangani situasi ini menimbulkan satu persoalan, adakah Reformasi Pasaran juga perlu disertai reformasi sistem politik? Deng nampaknya tidak begitu berminat untuk membawa reformasi ini ke suatu tahap yang tinggi.

Deng lebih gemar menegaskan kepemimpinan secara kolektif, tetapi pada masa yang sama beliau bertindak sebagai pusat kuasa kolektif tersebut. Melalui cara ini, Beliau menjadi penyumbang idea-idea utama ataupun rangka asas dasar-dasar kerajaan, kemudian pemimpin pelapis yang bakal mengganti tempat beliau akan melaksanakan dasar-dasar tersebut secara terperinci. Tidak dapat dinafikan bahawa dengan cara ini, situasi politik negara akan mantap dan kukuh kerana cara pemupukan pemimpin negara baru tidak perlu dijalankan secara gopoh-gapah. Namun jika proses “memerintah sambil belajar” si pemimpin pengganti ini tidak licin, maka tahap kesihatan pemimpin senior tersebut akan membimbangkan seluruh negara kerana berkemungkinan besar huru-hara akan berlaku jika pemimpin senior tersebut meninggal dunia.

Situasi China pada awal 1986 sememangnya mempunyai kekhawatiran ini. Deng memerlukan masa untuk mencari seorang pengganti yang baru tetapi beliau semakin berumur. Pada masa itu, pelaksanaan Dasar Reformasi Pasaran sememangnya tidak ada jalan pangkalnya, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa rakyat jelata juga tidak berpuas hati dengan pemerintahan kerajaan PKC. Apatah lagi pembukaan China kepada dunia luar telah membuka mata orang China tentang keadaan sebenar negara-negara lain yang

jauh lebih maju daripada negara mereka. Corak pemerintahan mutlak PKC terhadap China menghadapi satu cabaran yang besar pada masa itu.

Dari satu segi lagi, pada 1986 Deng Xiaoping juga menghadapi tekanan daripada para pemimpin konservatif yang tidak puas hati melihat Dasar Reformasi Pasaran ini semakin pincang seolah-olah ingin memulihkan sistem ekonomi Kapitalis. Kenyataan Deng nampaknya bersetuju bahawa Kecenderungan Liberalisme dan kemerosotan akhlak masyarakat ialah hasil daripada Dasar Reformasi Pasaran. Namun beliau tidak tergamak untuk membenarkan mereka menggunakan alasan tersebut untuk membatalkan dasar tersebut. Sebaliknya beliau hanya menurunkan Hu Yaobang dan cuba mencari seorang pengganti yang baru untuk terus bermula.

Dalam situasi inilah Zhao Ziyang dilantik oleh partinya untuk menjawat jawatan Setiausaha Agung Parti. Jawatan Zhao yang sebelumnya, iaitu Perdana Menteri terpaksa diserahkan kepada Li Peng, seorang pemimpin yang tidak sependapat dengan Zhao. Bukti-bukti jelas menunjukkan bahawa Zhao tidak begitu rela untuk menerima jawatan tersebut. Berbanding dengan jawatan sebelumnya yang mempunyai kuasa dalam penetapan dasar-dasar, Zhao tidak puas hati dengan jawatan Setiausaha Agung Parti tersebut lebih tertumpu kepada tugas penetapan ideologi parti dan negara sahaja. Bagaimanapun, dalam masa tersebut Zhao telah mengemukakan Teori Tahap Awal Masyarakat Sosialis untuk menakrifkan situasi China pada masa itu dalam perkembangan Sosialisme. Deng menyokong teori tersebut dan Kongres Parti Ketigabelas juga meluluskannya. Tindakan ini bertujuan membantu pihak kerajaan menghalalkan polisi-polisi kerajaan yang selalu disyaki berbau Burjuis ataupun kapitalis. Fahaman Komunis sememangnya menyatakan masyarakat Sosialis atau Komunis yang sebenar hanya akan

tercapai apabila manusia melalui tahap masyarakat Kapitalis yang paling sempurna. Pada masa yang sama, Deng dan Zhao juga berjaya mengukuhkan kedudukan mereka melalui sokongan yang diraih daripada kongres parti tersebut.

Deng seterusnya ingin mencuba nasib lagi dalam Reformasi Harga Barang pada akhir 1988. Zhao Ziyang merupakan pelaksana dan juga penasihat kepada Deng dalam perkara ini. Zhao mempunyai satu kumpulan penasihat yang berada dalam lingkungan umur yang lebih muda, dan berasal daripada pelbagai organisasi pengkajian ideologi. Mereka biasanya mempunyai sikap yang lebih terbuka terhadap idea-idea ekonomi negara barat. Pendirian mereka yang sebegini tidak dapat diterima oleh puak pemimpin konservatif.

Reformasi kali ini mengalami kegagalan sekali lagi. Lebih teruk lagi kegagalan ini mengakibatkan berlakunya Peristiwa Medan Tiananmen. Zhao telah dikritik oleh Jawatankuasa Parti Pusat dan dipaksa membuat pengakuan kesilapan. Akan tetapi Deng dapat mengecualikan dirinya daripada dipersalahkan. Dalam kalangan pemimpin pusat PKC, Deng lebih dianggap sebagai seorang penimbang-tara yang nampaknya bebas daripada perbahasan dua idea reformasi tersebut. Oleh itu, walaupun beliau pernah menyatakan idea-idea reformasi yang radikal, tetapi pemimpin puak konservatif masih rasa beliau senada dengan mereka kerana Deng pun pernah mengemukakan idea-idea seperti “Empat Prinsip Pengekalan” dan “Anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis”. Maka ini hanya boleh disifatkan sebagai satu keistimewaan arena politik China iaitu pemimpin yang mempunyai senioriti dan luas perhubungan peribadi dengan pemimpin-pemimpin lain akan mendapat penghormatan ataupun autoriti kepemimpinan walaupun

beliau tidak memegang jawatan-jawatan rasmi. Deng yang memenuhi ciri-ciri yang disebut di atas ini sebenarnya merupakan orang yang memegang kuasa tertinggi.

Kegagalan membebaskan kawalan harga barang di China pada tahun 1980-an mengakibatkan keyakinan rakyat dan pelabur asing terhadap perkembangan ekonomi negara tersebut merosot ke satu tahap yang teruk. Sekali lagi rasa tidak puas hati terhadap pemerintahan PKC timbul dalam masayarakat China. Krisis ketidakpercayaan ini amatlah bahaya dalam sebuah negara seperti China yang mengamalkan pemerintahan satu parti yang mutlak. Ketegangan hubungan antara rakyat dengan kerajaan tidak dapat diredukan, maka kekerasan merupakan penyelesaian. Peristiwa Medan TIANANMEN telah berlaku. Pemimpin puak konservatif mengambil kesempatan ini menggulingkan Zhao dari pada jawatan Setiausaha Agung Parti. Deng merupakan orang yang menurunkan arahan mengarahkan pasukan tentera mengosongkan Medan TIANANMEN dengan kekerasan. Beliau amat murka terhadap cara Zhao mengendalikan demonstrasi atau tunjuk perasaan yang diadakan oleh mahasiswa universiti tempatan di medan tersebut. Peristiwa tersebut menyebabkan imej Deng sebagai peneraju atau penaung reformasi China berkecaci. Akan tetapi nampaknya niat asal beliau mengarahkan kekerasan bukannya untuk membatalkan Dasar Reformasi Pasaran. Walaupun selepas peristiwa tersebut, beberapa polisi yang pernah dilaksanakan pada zaman Revolusi Kebudayaan telah dipulihkan semula.

Deng pada masa itu dengan sedar menegaskan kepentingan untuk meneruskan Dasar Reformasi Pasaran. Daripada kenyataan-kenyataan yang dikemukakan oleh Deng menjelang peristiwa tersebut, didapati Deng bukanlah orang yang teguh akan pendirian beliau dari awal hingga ke akhir untuk bersetuju mengarahkan kekerasan. Beliau masih

ada pertimbangan terhadap reaksi menurunkan arahan itu terhadap pelaksanaan Dasar Reformasi Pasaran. Bagaimanapun akhirnya beliau menyangka bahawa negara sudah berada dalam situasi yang hampir anarki, maka arahan penggunaan kekerasan diturunkan.

Selepas peristiwa itu, China telah dikenakan sekatan ekonomi oleh negara-negara barat. Semua hasil daripada pembukaan negara kepada dunia telah hampir musnah. China seolah-olah memulihkan cara pemerintahan totalitarien pada zaman sebelum 1978 yang memusatkan kuasa pemerintahannya kepada kerajaan pusat dan mengawasi rakyat dengan ketat sekali.

Deng tetap mengarahkan supaya Dasar Reformasi Pasaran diteruskan. Ini bermakna beliau sekali lagi terpaksa melantik seorang Setiausaha Agung Parti yang baru dan membantu bakal pemimpin tertinggi itu untuk membentuk autoriti kepemimpinan yang kukuh, agar Deng dapat mengundurkan diri daripada arena politik. Akhirnya Jiang Zemin yang berkhidmat sebagai Datuk Bandar Shanghai telah terpilih. Tidak lama kemudian, Deng telah mengumumkan persaraannya daripada semua jawatan rasmi. Jiang merupakan pemimpin yang paling tinggi kedudukannya dengan menggantikan Deng untuk memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Ketenteraan Parti.

Pada mulanya Jiang telah bersehaluan pendapat dengan pemimpin-pemimpin konservatif yang majoritinya dalam Jawatankuasa Tetap Parti Pusat. Tujuan beliau yang ingin mendapat sokongan daripada mereka amatlah jelas. Walau bagaimanapun, pernaungan bagi Jiang yang paling kukuh datang daripada Deng, seorang tua yang langsung tidak mempunyai apa-apa jawatan rasmi.

Pada awal tahun 1990-an, pertumbuhan ekonomi China amatlah lembap akibat sekatan ekonomi daripada dunia luar dan pengongkongan perkembangan ekonomi dalam

negara. Pada akhir 1991, Deng secara proaktif telah bekerjasama dengan Jabatan Propaganda Cawangan Shanghai untuk menyiaran satu siri artikel membidas idea-idea ekonomi terancang yang menyekat kemaraan Dasar Reformasi Pasaran. Siri artikel tersebut mendapat sambutan yang hangat iaitu perbahasan pena tentang isu ini telah mendapat perhatian seluruh negara.

Seterusnya pada 1992 Deng mengadakan satu lawatan rasmi ke Zon-zon Ekonomi Istimewa. Beliau mengambil kesempatan ini mengemukakan kenyataan-kenyataan yang menyokong Dasar Reformasi Pasaran. Kenyataan-kenyataan Deng ini segera disahut sokongan oleh rakyat jelata, cendekiawan-cendekiawan dan pemimpin kerajaan. Satu suara umum telah terbentuk dalam siri publisiti ini dan Deng sebagai tok dalangnya. Peranan beliau ini amat menarik perhatian para pemerhati politik asing iaitu beliau sekali lagi memainkan watak sebagai ketua keluarga patrikal yang terpaksa diakuri oleh semua pihak tidak kira apa jawatan dan pangkat. Maka dalam Kongres Parti Kali Keempatbelas yang dilangsungkan pada tahun tersebut, resolusi rasmi kongres yang lepas telah diluluskan sekali lagi sebagai pedoman rasmi Dasar Reformasi Pasaran. Begitu juga kedudukan pengganti Deng yang ketiga iaitu Jiang Zemin dapat diperkuuh lagi.

Daripada imbasan sejarah Dasar Reformasi Pasaran ini, dapat kita memperlihatkan sumbangan idea-idea Deng Xiaoping dalam period yang berlainan. Pada pertengahan 1970-an, idea beliau lebih cenderung untuk membawa negaranya menyambungkan idea-idea pembangunan yang berdasarkan resolusi Kongres PKC Kelapan. Resolusi tersebut menyarankan pembangunan negaranya berdasarkan model pembangunan Soviet Union. Bagaimanapun selepas 1982 apabila beliau mendapati kampung-kampung pertanian berjaya menjalankan Reformasi Pasaran dan menaikkan

pertumbuhan ekonomi negara, beliau beridea kepada pembukaan kawalan kerajaan terhadap pasaran. Pada 1984 beliau bersetuju untuk menjalankan Reformasi Harga Barang, Reformasi Pemilikan Firma-firma Milik Negara dan pembukaan lebih banyak Zon-zon Ekonomi Istimewa. Idea-idea ini lebih menyerupai idea-idea ahli ekonomi barat yang radikal yang ingin menukar struktur ekonomi negara Sosialis di Eropah Timur kepada struktur ekonomi Kapitalis dalam masa yang singkat. Idea-idea asas Deng ini masing-masing telah menerima ujian yang getir. Apabila idea-idea ini direalisasikan sebagai dasar-dasar pemerintahan, pelaksanaannya di dunia realiti amat berbeza. Pelbagai reaksi telah timbul di luar jangkaan Deng. Ada reaksi yang mendatangkan keputusan yang baik seperti kemunculan industri-industri pekan, tetapi juga ada reaksi yang berkeputusan buruk seperti rebut beli akibat daripada pembebasan kawalan harga barang. Bagaimanapun, secara keseluruhannya, hasil mengadakan Dasar Reformasi Pasaran memang memenuhi hajat Deng iaitu negara China telah bebas daripada kemiskinan, rakyat negaranya dapat menikmati kebebasan yang lebih luas berbanding dahulu, proses modenisasi benar-benar diadakan di atas landasan yang betul.

Deng merupakan seorang pemimpin yang membawa perubahan. Pada masa itu, hanya beliau yang mampu membawa China untuk membuat satu perganjakan yang begini besar. Akan tetapi sejarah juga mencatatkan titik-titik hitam pemerintahan pemimpin veteran ini. Beliau enggan mengubahsuai sistem politik negara, mungkin kerana sentimen cinta akan parti, tetapi ini terbukti merupakan satu sebab timbulnya pelbagai gejala buruk dalam zaman pemerintahannya. Kini China masih menuju ke satu jalan modenisasi yang sihat, namun liku-liku pada masa kelak sebelum menemui kejayaan masih tidak dapat dielakkan.